



ASROLAWANG | BERITA HARIAN

AHMAD (kiri) menyerahkan sumbangan buku kepada Zuryati di Dewan Astaka UMP, baru-baru ini.

SK terima 400 buku ilmiah sumbangan UMP

BH (Tmur)
Jumaat 12/11/10
ms 5

Kuantan: Sekolah Kebangsaan (SK) Jaya Gading, di sini menerima sumbangan lebih 400 buku ilmiah dan latihan dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan Teknologi (FKPPT), Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai galakan bagi memupuk budaya membaca dan cintai sains serta teknologi.

Sumbangan itu sempena pelancaran Program Bank Buku anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan Teknologi (IMPROSH).

Dekan FKPPT, Prof Dr

Ahmad Othman berkata, buku berkenaan dikumpulkan daripada kalangan siswa dan staf UMP sendiri iaitu menerusi konsep derma-kumpul-derma yang dilaksanakan sejak September lalu.

Beliau berkata, program itu adalah antara usaha UMP bagi menggalakkan masyarakat membaca terutama di kalangan pelajar bagi membudayakan tabiat membaca sebagai rutin harian mereka.

"Sikap rajin membaca bukan saja dapat menambahkan pengetahuan, malah dapat memperbaiki masalah penggunaan bahasa ketika berko-

munikasi. Pelajar juga dapat menambahkan pengalaman melalui bahan bacaan ini.

"Oleh itu, saya berharap pengurusan sekolah dapat menempatkan buku ini di sudut bacaan setiap kelas sebagai bahan bacaan dan rujukan pelajar," katanya.

Ahmad berkata, pihaknya memilih SK Jaya Gading sebagai tanda penghargaan jalinan hubungan erat dengan sekolah yang juga sekolah angkat bagi fakulti itu sejak setahun lalu.

Sementara itu, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SKJG, Zuryati Che Mohd, 42, berkata, pihaknya terharu dan

berterima kasih dengan sumbangan yang diberikan.

Katanya, sumbangan itu dapat menambahkan koleksi buku di perpustakaan sekolah seterusnya memberi manfaat kepada semua pelajar.

"Saya mengharapkan program ini dapat diteruskan bagi menyokong usaha membantu dalam memupuk budaya membaca di sekolah," katanya.

Seramai 70 pelajar Tahun Enam SKJG bersama enam guru pengiring hadir menerima sumbangan buku berkenaan pada majlis yang diadakan di Dewan Astaka UMP, Gambang, dekat sini.